



# PERTANDINGAN AKHIR

## PERTANDINGAN KOIR SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH, MAKTAB-MAKTAB DAN PUSAT TINGKATAN ENAM SENEGARA TAHUN 2015

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI  
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM  
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL  
KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-69 TAHUN

Tetamu Kehormat

**Awang Haji Azis bin Haji Nayan**

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat)  
Jabatan Sekolah-Sekolah  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

22 Ogos 2015M / 7 Zulkaedah 1436H

08.15 malam

Pentas Perayaan Berhadapan  
Bangunan Alat-Alat Kebesaran Di Raja



**PERTANDINGAN KOIR SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH,  
MAKTAB-MAKTAB DAN PUSAT TINGKATAN ENAM  
SENEGARA TAHUN 2015**

**SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG  
MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI  
HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI  
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN  
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG  
DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KE-69 TAHUN**





# Isi Kandungan

*muka surat*

Sekapur Sirih

1

Kata Alu-Aluan Pengetua Sekolah

3

Aturcara Majlis Pertandingan

4

Ahli Jawatankuasa Kerja

5

Maklumat Pertandingan

8

Keputusan Peringkat Saringan

12

Finalis Pertandingan Akhir

13

Nama Pasukan dan Seni Kata Lagu

14

Keputusan Peringkat Akhir

20

Penghargaan

21



# Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
لَسْلَامًا عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةً أَللَّهِ بِكُمْ كُنَّا

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Nabi dan Rasul pilihan Sayyidina Muhammad Sallahu 'Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Dengan izin dan limpah kurnia Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, kita dapat bersama-sama menghadirkan diri dan menyaksikan 'Pertandingan Akhir Koir Sekolah-Sekolah Menengah, Maktab-Maktab dan Pusat Tingkatan Enam Senegara Tahun 2015' ini.

Pertandingan kali ini lebih manis dan amat besar maknanya kerana dikendalikan dalam sama-sama memeriahkan temasya keraian Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke 69 Tahun.

Koir ialah nyanyian secara berkumpulan yang dipersembahkan dalam upacara seperti memperingati hari-hari bersejarah, kebesaran, pertandingan, pertunjukan dan seumpamanya. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, koir sering digunakan dalam acara-acara kenegaraan seperti Sambutan Hari Keputeraan, Sambutan Hari Kebangsaan dan sebagainya. Sesuai dengan hasrat Jabatan untuk sama-sama meraikan Sambutan Hari Keputeraan pada tahun ini,

pertandingan ini mengetengahkan lagu-lagu Brunei seperti Tipa, Alus Jua Dindang, Laila Mencanai dan lain-lain untuk meningkatkan nilai estetika lagu-lagu Brunei disamping mengangkat identiti, kesenian dan kebudayaan lagu-lagu tersebut. Selain itu, ketetapan bagi membawakan lagu-lagu Brunei ini merupakan satu cabaran kepada para pelajar dalam usaha meningkatkan kemampuan dan kemahiran mereka dalam mempersembahkan mutu koir yang lebih berkualiti dan dinamik.

Dalam kesempatan ini, saya sukacita mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pelajar yang telah menyertai pertandingan ini. Seterusnya ucapan terima kasih atas usaha para guru pembimbing yang telah berusaha melatih dan membimbing pelajar-pelajar sehingga berjaya mempersembahkan mutu dendangan koir yang indah dan harmoni. Tidak lupa juga penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Sekolah Saint George yang telah berkesudian menjadi Tuan Rumah untuk menjayakan pertandingan koir ini serta para hakim yang telah meluangkan masa dan memberikan pandangan bernas dalam membantu meningkatkan lagi mutu pertandingan ini. Dengan segala sokongan dan kerjasama biskita, pertandingan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Mudah-mudahan dengan segala usaha dan kerjasama yang biskita berikan ini akan mendapat ganjaran baik dan pahala daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**PENGIRAN SUHAIMI BIN PENGIRAN HAJI BAKAR**  
Pengarah Pendidikan Kokurikulum  
Kementerian Pendidikan



# Kata Alu-Aluan

Lagu-lagu Brunei Asli merupakan khazanah Negara dan pusaka bangsa yang sangat berharga kerana pada keseluruhannya mengandungi pemikiran dan nasihat yang bernilai untuk pembentukan masyarakat. Didalamnya terkandung mutiara kata dan susunan mudah yang membuktikan kebijaksanaan atau kearifan nenek moyang kita. Melalui lirik lagu-lagu tersebut disampaikan nasihat dan panduan hidup bagi mempengaruhi minda dan membina keperibadian bangsa.

Pertandingan koir pada tahun ini, buat julung-julung kali mengetengahkan lagu-lagu Brunei Asli bersempena dengan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adatul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-69 tahun.

Tidak dinafikan bahawa lagu-lagu Brunei Asli berhadapan dengan cabaran dari peredaran masa. Kini muzik dan budaya pop semakin popular menyebabkan sambutan dan penerimaan masyarakat semakin berkurangan. Dengan adanya pertandingan seperti ini, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum dapat berperanan memberiagakan kepada orang ramai terutamanya generasi muda terhadap lagu-lagu Brunei Asli dari peringkat sekolah. Oleh yang demikian pertandingan ini dilihat sebagai suatu usaha penerusan dan pengekaln warisan seni, di samping menanamkan dan memupuk semangat cintakan seni budaya bangsa.

Semoga usaha berterusan dari Kementerian Pendidikan dengan mengadakan pertandingan seperti ini setiap tahun di peringkat sekolah dan maktab, sedikit sebanyak memberikan satu harapan bahawa lagu-lagu Brunei Asli akan terus hidup menjadi warisan Negara dan menjadi satu identiti kepada kita sebagaimana yang dihasratkan oleh kepimpinan Negara.

**AWANG JANIDI JINGAN**  
Pengetua Sekolah Saint George



# Aturcara

**7.00 mlm** : Ahli Jawatankuasa hadir

---

**7.15 mlm** : Guru Pengawas dan Peserta hadir

---

**8.00 mlm** : Para Jemputan Khas hadir

---

**8.15 mlm** : Kehadiran Tetamu Kehormat

Yang Mulia,  
Awang Haji Azis bin Haji Nayan  
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat)  
Jabatan Sekolah-Sekolah  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

---

Ucapan Alu-Aluan oleh Pengerusi Majlis  
Yang Mulia Awang Janidi Jingan  
Pengetua Sekolah

---

Pertandingan dimulakan

---

Persembahan

---

Keputusan dan penyampaian hadiah-hadiah,  
Sijil dan cenderamata kepada hakim-hakim dan  
Peserta-peserta oleh Tetamu Kehormat

---

Bergambar bersama Tetamu Kehormat

---

Menikmati jamuan dan bersurai

---

**AHLI JAWATANKUASA KERJA PERTANDINGAN KOIR KEPUTERAAN  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH, PUSAT TINGKATAN ENAM  
SENEGARA TAHUN 2015 SEMPERNA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE 69 TAHUN**

**AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI**

**PENASIHAT**

Yang Mulia Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar  
Pengarah Pendidikan Kokurikulum

**PENGERUSI BERSAMA**

Yang Mulia Awang Roslin bin Suhailee  
Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum

Yang Mulia Awang Janidi Jingan  
Pengetua Sekolah Saint George

**TIMBALAN PENERUSI BERSAMA**

Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab  
Ketua Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum

Yang Mulia Awang Noohukkan Mohamed Mubarak  
Timbalan Pengetua Sekolah Saint George

**SETIAUSAHA BERSAMA**

Yang Mulia Dayang Saidah binti Saidin  
Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum

Yang Mulia Awang Selomi bin Haji Idris  
Penolong Kegiatan Luar, Sekolah Saint George

**TIMBALAN SETIAUSAHA BERSAMA**

Yang Mulia Dayang Siti Zubaidah binti Hamid  
Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum

Yang Mulia Dayang Rahidah binti Juhar  
Ketua Hal Ehwal Pelajar, Sekolah Saint George

**BENDAHARI**

Yang Mulia Dayang Nordiana binti Mohammad  
Bahagian Kewangan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum

## **AHLI JAWATANKUASA KERJA**

### **PENGAWAS AM / PENYAMBUK TETAMU**

Yang Mulia Awang Haji Ramli bin Hj Bungsu  
Yang Mulia Awang Irwan bin Haji Abdul Rahman  
Yang Mulia Dayang Hajah Dayang binti Haji Yang Mulia Muhammad  
Yang Mulia Dayang Sharijah Hazimah binti Haji Sharbini  
Yang Mulia Dayang Lauyah binti Haji Metussin  
Yang Mulia Pengiran Hajah Rasinah binti Pengiran Haji Mohammad Yassin  
Yang Mulia Dayangku Nur Atiqah binti Pengiran Askandar

### **HAKIM PERTANDINGAN**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Khairul Amilin bin Pengiran Haji Yahya  
Yang Mulia Awang Fahmi Izwan bin Haji Awang  
Yang Mulia Awang Nurhisyam Al-Muiz bin Abd Rahman Ampil  
Yang Mulia Awang Raymond Sanga  
Yang Mulia Dayang Lily Chiam

### **PA SYSTEM**

Yang Mulia Awang Balthezear Gilchrist Henry  
Yang Mulia Awang Luxman Satchithananthan

### **JURUACARA**

Yang Mulia Dayang Rahidah binti Juhar  
Yang Mulia Dayang Malai Salmah binti Haji Malai Hassan

### **PENGAWAS PESERTA / PERSEMBAHAN**

Yang Mulia Dayang Gay Marie A. Frando  
Yang Mulia Dayang Galdys Hope Ramos Cabigan

### **PERAKAM MARKAH**

Yang Mulia Dayang Evelyn Liaw Tzu Yun  
Yang Mulia Dayang Maria Liza Antipala Villegas  
Yang Mulia Awang Bernard Lim Sin Seong

### **HADIAH, SIJIL & CENDERAMATA**

Yang Mulia Awang Selomi bin Haji Idris  
Yang Mulia Dayang Chew Lai Kwan  
Yang Mulia Dayang Nurul Hannah Adawiyah bte Abdullah

### **KELENGKAPAN / LETAK KERETA**

Yang Mulia Awang Mohammad bin Haji Mohammad Saat  
Yang Mulia Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Othman  
Yang Mulia Awang Haji Mahathir @ Adam bin Haji Mokhtar  
Yang Mulia Awang Ali bin Kassim  
Yang Mulia Awang Haji Aman bin Adam  
Yang Mulia Awang Za'imuddin bin Haji Bakar  
Yang Mulia Awang Muhammad Samira Razin bin Abdullah  
Yang Mulia Awang Nadzri bin Haji Mohammad Adnan  
Yang Mulia Awang Budiman bin Ambai  
Yang Mulia Awang Lim Hock Siong  
Yang Mulia Awang Binoy Sebastian  
Yang Mulia Awang Chak Wang Hoong  
Yang Mulia Awang Eugenio V Mendoza  
Yang Mulia Awang Jason Chung Kim Fah  
Yang Mulia Awang Saul David Jenkin Bright

### **PUBLISITI / SIARAYA / JURUGAMBAR**

Yang Mulia Awang Nicholas Budiawan Tju  
Yang Mulia Awang Steven Yap Meng Teck  
Yang Mulia Awang Lim Jen Erh

### **BAHAGIAN JAMUAN / KEBERSIHAN**

Yang Mulia Dayang Rohhaslenawati binti Haji Yahya  
Yang Mulia Dayang Hajah Noor Hayati binti Haji Abdul Hamid  
Yang Mulia Dayangku Juliana binti Pengiran Jaafar  
Yang Mulia Dayang Siti Selawati binti Haji Kipli  
Yang Mulia Dayang Nor Zailawati binti Haji Zaman  
Yang Mulia Dayang Apiza binti Abdul Latif  
Yang Mulia Dayang Hajah Norainah binti Haji Mohammad Ali

**PERTANDINGAN KOIR SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH, MAKTAB-MAKTAB DAN PUSAT TINGKATAN ENAM SENEGARA TAHUN 2015  
SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA  
MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR  
'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG  
DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE 69 TAHUN**

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Pertandingan Koir Sekolah-Sekolah Menengah ini adalah merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan dikendalikan oleh Sekolah Saint George, Bandar Seri Begawan
- 1.2 Pada tahun ini pertandingan tersebut diadakan bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke 69 tahun.

**2. TUJUAN**

- 2.1 Mendidik dan membentuk pasukan-pasukan koir dari kalangan pelajar bagi keperluan-keperluan semasa, baik untuk dalam mahupun luar negeri.
- 2.2 Sebagai satu cabaran untuk para pelajar dalam mempersembahkan koir daripada lagu-lagu Brunei.
- 2.3 Mendorong para pelajar untuk berani beraksi di hadapan khalayak ramai dan mencungkil bakat yang ada pada mereka dalam teknik pemecahan vokal dan harmoni.
- 2.4 Melahirkan pelajar yang bersemangat kompetitif dan mampu berdaya saing secara positif serta membantu mereka untuk berfikiran terbuka.
- 2.5 Memberi peluang kepada para pelajar untuk berinteraksi dan bergaul dalam suasana yang harmoni dengan tujuan untuk membina sifat dan peribadi yang positif dan berdisiplin.
- 2.6 Membina semangat bersatupadu di kalangan pelajar agar boleh bekerjasama dalam sesebuah kumpulan dan meningkatkan nilai-nilai estetika.

### **3. PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN**

- 3.1 Pertandingan ini dibukakan kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan pusat tingkatan enam di Negara Brunei Darussalam.
- 3.2 Setiap sekolah hanya dibenarkan menghantar satu pasukan sahaja dengan keramaian tidak kurang dari 20 orang dan tidak melebihi 25 orang. [tidak perlu simpanan]
- 3.3 Setiap pasukan hanya dibenarkan membawa sebuah lagu sahaja daripada lagu-lagu Brunei seperti yang ada tersenarai di bawah ini:
  1. Kampong Ayer
  2. Alus Dua Dindang
  3. Laila Mencanai
  4. Tudung Dulang
  5. Anding Dida
  6. Tipa
  7. Lumut Lunting
  8. Dang Mengalai
  9. Pulau Cermin
  10. Jong Sarat
  11. Adai-Adai
  12. Samalindang
- 3.4 Adalah tidak dibenarkan untuk mempersembahkan lagu baru ciptaan sendiri.
- 3.5 Senikata lagu yang akan dibawakan hendaklah disertakan bersama borang penyertaan.
- 3.6 Penukaran ahli pasukan mahupun lagu yang dibawakan setelah perlawanan Peringkat Saringan dijalankan adalah tidak dibenarkan.
- 3.7 Persembahan hendaklah disampaikan dengan gaya acapella sahaja (Tanpa menggunakan alat muzik).
- 3.8 Setiap pasukan hendaklah memakai pakaian seragam sekolah yang kemas.
  - 3.8.1 Peringkat Saringan:
    - 3.8.1.1 Setiap pelajar hendaklah memakai pakaian seragam sekolah sahaja.
    - 3.8.1.2 Pelajar lelaki dimestikan bersongkok dan pelajar perempuan memakai baju kurung dan bertudung.

3.8.2 Peringkat Akhir:

3.8.2.1 Setiap pelajar memakai pakaian seragam sekolah / bebas.

3.8.2.2 Pelajar lelaki dimestikan bersongkok dan pelajar perempuan memakai baju kurung dan bertudung.

3.8.2.3 Setiap tambahan hiasan pakaian adalah digalakkan dengan syarat bersesuaian dan tidak keterlaluan.

3.9 Setiap pasukan hendaklah menunjukkan tata tertib yang baik dan sopan sewaktu bertanding.

3.10 Masa persembahan bagi kedua-dua peringkat saringan dan akhir:

3.10.1 Persembahan tidak melebihi dari 7 minit (termasuk keluar dan masuk pentas).

3.10.2 Vocal Tuning adalah dibenarkan dengan syarat tidak melebihi dari 20 saat sebelum memulakan persembahan.

3.10.3 Markah akan ditolak sebanyak 1 mata bagi setiap 1 minit melebihi dari masa yang ditetapkan.

3.11 Hanya 6 pasukan sahaja yang akan bertanding ke Peringkat Akhir termasuk tuan rumah.

3.12 Bagi pasukan yang tidak hadir pada tarikh yang telah ditetapkan dengan sendirinya dikira menarik diri dari pertandingan.

3.13 Adalah tidak dibenarkan untuk mengambil tenaga pengajar dari luar. Mestilah dari sekolah itu sendiri.

3.14 Setiap pasukan hendaklah mengisikan borang penyertaan yang telah disediakan dengan lengkap dan mengembalikannya kepada:

Unit Akli  
Jabatan Pendidikan Kokurikulum,  
Kementerian Pendidikan  
Tingkat 2, Jalan 10,  
Kampong Perpindahan Lambak Kanan,  
Berakas BC 2315  
Negara Brunei Darussalam

3.15 Taklimat Pertandingan:

3.15.1 Taklimat bersama guru-guru pembimbing akan diadakan pada:

Hari Selasa, 25 Mei 2015, Jam 2.30 petang.

Tempat: Parish Hall, Dewan Sekolah Saint George, Bandar Seri Begawan.

- 3.15.1 Taklimat Akhir bersama guru-guru pembimbing bagi sekolah-sekolah yang berjaya ke Peringkat Akhir Pertandingan Koir Sekolah-sekolah Menengah Tahun 2015 Sempena Hari Keputeraan yang ke 69 akan diadakan pada:

Hari Selasa, 11 Ogos 2015, Jam 2.30 petang.

Tempat: Perpustakaan Sekolah Saint George

- 3.16 Jika terdapat sebarang masalah semasa pertandingan dijalankan (selain daripada penghakiman), maka akan dirujuk kepada Pengerusi / Timbalan Pengerusi Pertandingan / Pegawai Penyelaras sebagai kata pemutus.

#### 4. PENGHAKIMAN

- 4.1 Penghakiman akan dikira dari sudut:

- Suara	= 40 Markah
- Harmoni	= 30 Markah
- Interpretasi dan Ekspresi	= 15 Markah
- Penarikan dan Tatatertib	= 15 Markah
<b>Jumlah</b>	<b>= 100 Markah</b>

- 4.2 Jika terdapat persamaan markah, maka akan dirujuk kepada markah yang tertinggi dalam sudut Suara, diikuti dengan Sudut Harmoni, seterusnya Sudut Interpretasi dan Ekspresi.

- 4.3 Keputusan Hakim adalah muktamad.

#### 5. TARIKH PERLAWANAN

- 5.1 Pertandingan Peringkat Saringan akan diadakan pada hari **Rabu, 5 Ogos 2015**.

- 5.2 Peringkat Akhir bagi pertandingan ini Insya Allah akan diadakan pada hari **Sabtu, 22 Ogos 2015**.

#### 6. AM

- 6.1 Syarat-syarat pertandingan ini samada dinyatakan atau tidak dinyatakan, pihak Pengelola Pertandingan berhak untuk mengubah atau membuat keputusan dan setiap keputusan adalah muktamad.



## Keputusan Peringkat Saringan

Bil.	Nama Sekolah / Maktab	Peratus	Ked.
1	Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa	69.40%	12
2	Sekolah Saint George	83.80%	4
3	Sekolah Menengah Sultan Shariff Ali, Salambigar	62.00%	19
4	Pusat Tingkatan Enam Meragang	83.60%	5
5	Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana	86.00%	2
6	Sekolah Menengah Berakas	76.00%	10
7	Sekolah Menengah Rimba	74.00%	11
8	Maktab Duli Pengiran Muda Al-Mutadee Billah, Gadong	83.60%	5
9	Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Lambak Kanan	67.20%	14
10	Sekolah Menengah Menglait, Gadong	62.80%	17
11	Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara	90.40%	1
12	Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri	62.80%	17
13	Sekolah Menengah Chung Ching, Seria	57.20%	20
14	Mahad Islam Brunei	80.00%	8
15	Sekolah Menengah Muda Hashim	64.20%	16
16	Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong	67.40%	13
17	St John School, Kuala Belait	76.40%	9
18	Sekolah Menengah Sufri Bolkihah, Tutong	66.60%	15
19	Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Lumapas	84.20%	3
20	Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin	82.10%	7

## Finalis Pertandingan Akhir

Bil.	Nama Sekolah / Maktab	Nama Lagu
1	Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana	Alus Dua Dinding
2	Pusat Tingkatan Enam Meragang	Alus Dua Dinding
3	Maktab Duli Pengiran Muda Al-Mutadee Billah, Gadong	Laila Menchanai
4	Sekolah Saint George	Tipa
5	Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara	Alus Dua Dinding
6	Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Lumapas	Kain Jong Sarat

## Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana



### ALUS DUA DINDANG

Alus jua dinding manis-ku sa-orang  
merajuk-nya jangan emas-ku nyawa

Apa penjulok si-bintang terang  
batang-lah padi di-sambong lima  
apa pembujok hati si-dayang  
orak-lah sanggul susupi bunga

Pulau Chermin meroko-roko  
nampak dari Pulau Si-Jampang  
puan malai paduka liku  
tetapkan hati jangan berchabang

Sayang kelawar tidor bergantung  
dahan-nya banyak daun-nya lebat  
emas-ku nyawa pengarang jantung  
senyum sedikit menjadi ubat

## Pusat Tingkatan Enam Meragang



### ALUS DUA DINDANG

Alus jua dindang manis-ku sa-orang  
merajuk-nya jangan emas-ku nyawa

Apa penjulok si-bintang terang  
batang-lah padi di-sambong lima  
apa pembujuk hati si-dayang  
orak-lah sanggul susupi bunga

Pulau Chermin meroko-roko  
nampak dari Pulau Si-Jampang  
puan malai paduka liku  
tetapkan hati jangan berchabang

Sayang kelawar tidor bergantung  
dahan-nya banyak daun-nya lebat  
emas-ku nyawa pengarang jantung  
senyum sedikit menjadi ubat

## Maktab Duli Pengiran Muda Al-Mutadee Billah, Gadong



### LAILA MENCHANAI

Serumpun Kumpai  
Di Tengah Lautan  
Dalamnya Terkandung  
Buih Nan Indah  
Darinya Menjelma Puteri Rupawan  
Dijadikan Isteri Sultan Bolkiah

Puteri Jelita Laila Mencanai  
Didapat Baginda Dalam Pelayaran  
Kasih Baginda Tiada Ternilai  
Hajat Isterinya Dapat Ditunaikan

Dalam Pelayaran Isterinya Menjahit  
Jarum Emas Menyulam-nyulam  
Baginda Perhatikan Begitu Asyik  
Sehingga Tertidur Dalam Pangkuan  
Puteri Pun Terharu Sulaman Tak Tentu  
Jarum Tercucuk Ke Tangan Baginda  
Bisanya Jarum Tawar Tak Selulu  
Mangkatlah Baginda Di Tangan Jelita

Laila Mencanai Berdukacita  
Akhirnya Puteri Menikam Dirinya  
Meninggal Wasiat Bermakam Sama  
Makam Selarong Bernisan Tiga

## Sekolah Saint George



### TIPA

Tipa dibawa pelambangan budaya  
Kemegahan bangsa yang asli dan murni

Tipa dibawa petanda peribadi  
Kehalusan budi yang suci dan sejati

Bukti kasih abadi  
Sejak zaman berzaman  
Mewujudkan harmoni antara dua insan.

Kelembutan budi pancaran hasrat suci  
Amalan yang terpuji sikap hormat menghormati

## Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara



### ALUS DUA DINDANG

Alus jua dinding manis-ku sa-orang  
merajak-nya jangan emas-ku nyawa

Apa penjulok si-bintang terang  
batang-lah padi di-sambong lima  
apa pembujok hati si-dayang  
orak-lah sanggul susupi bunga

Pulau Chermin meroko-roko  
nampak dari Pulau Si-Jampang  
puan malai paduka liku  
tetapkan hati jangan berchabang

Sayang kelawar tidor bergantung  
dahan-nya banyak daun-nya lebat  
emas-ku nyawa pengarang jantung  
senyum sedikit menjadi ubat

## Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Lumapas



### KAIN JONG SARAT

Kain Jong Sarat  
Tenunan Orang Brunai  
Adunan Tangan  
Jari Jemari Gemalai

Kain Jong Sarat  
Dipakai Gadis Jelita  
Berkilau Berseri  
Rukun Indah Coraknya

\*Kain Jong Sarat  
Tenunan Memikat  
Kain Bersulami  
Benangnya Emas

Ujudnya Sejak Zaman Nenek Moyang  
Penyambung Kaseh Pengikat Cinta  
Abadi Sayang

Kain Jong Sarat  
Rangkaian Aneka Cipta  
Bunga Bertabur  
Punca Kembang Berputar

Corak Air Mulih  
Digandingi Pucuk Rabung  
Lambang Peribadi  
Budaya Yang Agung.



## Keputusan Pertandingan

Kedudukan	Nama Sekolah / Maktab	Peratus / Markah
JOHAN	Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara	90.00 %
NAIB JOHAN	Sekolah Saint George	88.36 %
KETIGA	Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana	87.82 %
KEEMPAT	Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Lumapas	83.45 %
KELIMA	Maktab Duli Pengiran Muda Al-Mutadee Billah, Gadong	78.18 %
KEENAM	Pusat Tingkatan Enam Meragang	70.91 %

# Ucapan Setinggi-Tinggi Penghargaan Dan Terima Kasih

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa dengan penuh hormat dan sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

Tetamu Kehormat Majlis

**Yang Mulia**

**Awang Haji Azis bin Haji Nayan**

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat)  
Jabatan Sekolah-Sekolah  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Jabatan Daerah Brunei dan Muara

Jabatan Pendidikan Kokurikulum

Sekolah Saint George

Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna

Para Hakim

Jabatan Percetakan Kerajaan

Radio Televisyen Brunei

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi


Media Massa

Dan

Semua yang terlibat bagi menjayakan pertandingan ini. Semoga semua usaha yang kita jalankan ini akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Aamin Ya Rabbal 'Alamiin





Dianjurkan oleh:  
**Jabatan Pendidikan KoKurikulum**  
**Kementerian Pendidikan**  
Negara Brunei Darussalam

Dikendalikan oleh:  
**St. George's School**  
Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam